

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC
(BOM) PERMOHONAN PERUNTUKAN BAJET BI**

TAJUK PROJEK	Sarawak Produktif Inisiatif 2024 (BI Inisiatif) Melaksanakan Inisiatif Pelaksanaan Projek BI di Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sarawak : Menangani Masalah Pembayaran Kompaun untuk Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)
LATAR BELAKANG Pernyataan Masalah	Selari dengan peranan MPC sebagai badan pemantau bagi Amalan Baik Peraturan di Malaysia, MPC telah diberi mandat untuk pelaksanaan projek Behavioural Insights (BI) pada tahun 2021. Pendekatan BI dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. BI merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan berkaitan pematuhan peraturan yang tinggi. Antara faedah yang boleh dicapai melalui penggunaan kaedah BI adalah ia boleh dijalankan dengan mudah tanpa melibatkan kos operasi yang tinggi kerana tidak terlalu bergantung kepada penguatkuasaan peraturan atau pemberian insentif. BI mengambilkira bagaimana tingkah laku dan tindak balas kumpulan sasar terhadap sesuatu peraturan atau dasar yang dibangunkan. Selaku Pihak Berkuasa Tempatan, DBKU ingin mengunapakai kaedah BI bagi menangani masalah kelewatan dan kegagalan pembayaran kompaun oleh pengguna. Projek BI Fasa 2 pada tahun ini adalah merupakan kesinambungan Fasa 1 yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 yang lebih tertumpu kepada pembangunan kapasiti dan pemilihan projek yang bersesuaian. Walaubagaimanapun projek ini tidak dapat diteruskan disebabkan kekangan bajet dan masa.
OBJEKTIF	Objektif projek BI Fasa 2 ini adalah seperti berikut: i. Menjalankan Projek Inisiatif BI sebagai salah satu kaedah penyelesaian masalah dan mengenal pasti peluang penambahbaikan; ii. Mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada sesuatu isu yang dikaji; dan iii. Menggunapakai pendekatan Behavioural Insights dan menjalankan eksperimen bagi mengenalpasti intervensi yang paling berkesan.

	Selain itu, projek BI ini merupakan salah satu aktiviti dibawah program Sarawak Produktif ini selari dengan RMK-12 dimana projek ini diharapkan dapat membangunkan sosioekonomi di Sarawak. Pelaksanaan projek ini diharapkan dapat menangani ketidaksimbangan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup di Sarawak, ianya juga sejajar dengan matlamat PCDS 2030 dan WKB 2030
SKOP BI Inisiatif, GRP, Regulatory Delivery, MyMudah, Business Licensing, Agile Regulation	BI Inisiatif
OUTPUT Bil. Laporan (Preliminary and Final Report)	<u>Projek BI Inisiatif:</u> i) 1 laporan projek BI ('Intervention', 'Measure' dan 'Expand') ii) 1 Sesi Perkongsian Kajian BI.
TEMPOH MASA	April – Julai 2023
ANGGARAN KOS	RM 26,900.00 (Bajet BI) RM 1,500.00 (Bajet Operasi) – Pecahan anggaran kos di Lampiran
PEMBEKAL Untuk Inisiatif BI, pembekal perlu mengikuti kursus BI yang dianjurkan oleh MPC	Lantikan JPPK Pembekal logistik tempatan (hotel dan pengangkutan) Pembekal Makan Minum
KUMPULAN SASARAN i. Sektor/Perniagaan ii. Kementerian/Agensi/Kerajaan Negeri/Kerajaan Tempatan	STIU Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) : DBKU Agensi Negeri
UNIT/ BAHAGIAN	MPC Sarawak

ANGGARAN PERBELANJAAN FASA 2

Projek BI di Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU): Menangani Masalah Pembayaran Kompaun

	Butiran Pembayaran	Unit	Kadar Bayaran (RM)	Jumlah (RM)
BAJET PEMBANGUNAN (BI)				
1.	Fasilitator :2 Bengkel = (4 Hari x Rm 2,500)	1 orang	2,500.00	10,000.00
2.	Penulisan Garis Panduan (10 m.s x RM200 x 1 MPC Associates)	10 m/s	200.00	2,000.00
3.	Bengkel #1: 2 hari	30 orang	180.00/ pax x 2 hari	10,800.00
4.	Bengkel #2 : 2 hari	30 orang	35.00/ pax x 2 hari	2,100.00
5.	Sesi Perbincangan secara online (Bayaran Fasilitator) Rm250 x 8 jam (8 Sesi)	8 jam	250.00/jam	2,000.00
BAJET OPERASI				
7.	Pegawai MPC (Tambang Perjalanan Dalam Negeri) – 2 sesi	1 orang	RM1000.00	1,000.00
8.	Pegawai MPC (Penginapan & Elaun Makan Pegawai) – 2 sesi	1 orang	RM 500.00	500.00
	JUMLAH			28,400.00

[illegible]